

19 OCT 2001

BELANJAWAN-GALAKNA CUKAI

KERAJAAN KECUALIKAN CUKAI JUALAN KE ATAS KAD PINTAR DAN KELENGKAPAN BERKAITAN

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kerajaan telah mencadangkan di dalam Belanjawan 2002 bahawa untuk mengecualikan cukai jualan ke atas kad-kad pintar dan kelengkapan berkaitan dengannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dalam mempertingkatkan penggunaan kad-kad pintar pelbagai guna, institusi-institusi kewangan perlu mengadakan infrastruktur yang sepatutnya, termasuk kelengkapan berkaitan seperti alat muatan dan alat pembaca kad, yang mana pelaksanaan akan memerlukan asas modal yang besar, katanya semasa membentangkan Belanjawan itu di Dewan Rakyat di sini.

Kerajaan juga mencadangkan bahawa cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada perdagangan luar pesisir melalui laman-laman web di Malaysia diturunkan kepada 10 peratus selama lima tahun daripada 28 peratus sebelumnya.

Pengurangan cukai itu bermakna menggalakkan lagi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam perdagangan dan juga memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai lokasi perniagaan yang menarik bagi perdagangan antarabangsa.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, juga mencadangkan bahawa kos yang ditanggung dalam membangunkan laman-laman web bagi perniagaan diberikan potongan tahunan sebanyak 20 peratus bagi tempoh lima tahun.

Di samping mengadakan galakan cukai untuk mempermudah perdagangan elektronik (e-dagang), agenda ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) negara bermatlamat mengujudkan masyarakat yang berpengetahuan, bermaklumat dan arif ICT, kata Dr Mahathir.

"Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM112.7 juta untuk melaksanakan projek Kebangsaan Kerajaan Elektronik, RM72.3 juta untuk Sekolah Bestari, RM20 juta bagi Teleperubatan, RM86.3 juta bagi Kad Pintar dan RM9.5 juta bagi Aplikasi Bersepadu," katanya.

Di samping itu, RM487.67 juta diperuntukkan untuk meningkatkan program perkomputeran di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dan RM205.5 juta bagi perkomputeran sekolah-sekolah, kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata bahawa berikutan penubuhan Tabung Modal Usaha Niaga sebanyak RM500 juta, sebuah syarikat milik kerajaan, Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), telah ditubuhkan.

Sejumlah RM100 juta bagi tabung itu akan diperolehi daripada empat syarikat modal usaha niaga tempatan, manakala baki RM400 juta adalah pelaburan langsung dalam syarikat-syarikat modal usaha niaga, katanya.

Sehingga kini, MAVCAP telah menerima 104 cadangan perniagaan dari 10 buah negara, termasuk AS, Korea Selatan, Hong Kong dan China, dengan keperluan pembiayaan sebanyak RM1.0 bilion.

Selain daripada tabung itu disumbangkan oleh kerajaan, kerajaan Jepun juga telah bersetuju pada asasnya untuk memberi pinjaman RM1.9 bilion kepada MAVCAP, terutamanya bagi pembiayaan semula hutang.

Di samping MAVCAP, Dr Mahathir berkata satu lagi syarikat milik kerajaan, Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd, telah ditubuhkan untuk mengurus Tabung Modal Usaha Niaga RM190 juta bagi Technology Acquisition.

Daripada RM190 juta itu, RM114 juta akan dilabur di dalam American Pacific Venture Capital Fund di Lembah Silicon dan Venture Capital Joint Venture Investment di Malaysia, manakal bakinya RM76 juta bagi pelaksanaan Pusat Rekabentuk dan Latihan Mikrochip Lanjutan. -- BERNAMA

MK FR OS

